



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 29 SEPTEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	KARNIVAL JALINAN TANI DAPAT SAMBUTAN, NASIONAL, SH -7 3 KEMENTERIAN BERTINDAK, NASIONAL, BH -74 MENTERI, EKONOMI, MINGGUAN SARAWAK -35 OPENING OF THE FIRST FLAGSHIP STORE, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C4 AGRICULTURE MINISTER TO SET UP TASK FORCE TO CONSOLIDATE PADDY FIELDS, SAYS SALAHUDDIN, NEWS, MALAYSIAN NATION (SUNDAY) -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	KATJANG HIBRID LEBIH BERKUALITI, NASIONAL, SH -20 MARDI LANCAR BAKA KAMBING BAHARU DIKENALI 'BK', NEWS, ASTRO AWANI -7 MARDI 'BK', NEWS, JOHOR CHINA PRESS -10 BK, NEWS, SIN CHEW DAILY -5 AGRICULTURE MINISTER: BK GOAT BREED HAS STRONG FERTILITY, NATION, SIN CHEW DAILY -12 BK GOATS HAVE STRONG FERTILITY, HIGH IN NUTRION, NATION, CHINA PRESS -A7 MALAYSIA NEEDS TO IMPORT COW AND GOAT FOR LOCAL NEEDS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A11	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13. 14.	INOVASI SATE TUNA, XPRESI, METRO AHAD -52 600KG OF SUSPECTED BOMBED FISH SEIZED AT SAFMA MARKET, HOME, BORNEO POST (KK) -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15.	PROGRAM BOTANI DESA KURANGKAN BELANJA DAPUR, NASIONAL, BH -21	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16.	PELBAGAI REAKSI PETANI ISU GABUNG TANAH SAWAH, NASIONAL, BH -74	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
17. 18. 19.	PEGUAM DI BRUNEI BUAT LAPORAN BENIH ENDEMIK DISELUDUP KELUAR, NASIONAL, BH -74 GALAK PERTANIAN BERSKALA KECIL, NASIONAL, SH -12 CARETAKER FINDS SWEET WAY TO FUND SHELTER, NATION, SUNDAY STAR -5	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Karnival Jalinan Tani dapat sambutan

Pelbagai produk pertanian dan industri asas tani dijual pada harga yang berpatutan dan lebih murah

ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Karnival Jalinan Tani Institut Latihan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 2019 di Kelantan kelmari mendapat sambutan dan dinanti-nantikan rakyat.

Karnival dua hari bermula kelmari sehingga semalam itu diadakan di Institut Latihan Fama Kota Bharu (ILFKB), Lundang yang dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Salahudin berkata, karnival tersebut adalah inisiatif Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian bagi mempromosikan dan memperkenalkan pusat tauliah kepada umum serta mewujudkan jalinan kerjasama antara usahawan FAMA dengan petani ILFKB.

"Selain itu, orang ramai turut berpeluang mendapatkan pelbagai jualan produk pertanian dan industri asas tani pada harga yang berpatutan dan lebih murah daripada pasaran," katanya.

Pada karnival tersebut, orang ramai boleh membeli buah dōkong dengan harga RM1.50 sekilogram, jagung (50 sen) setongkol, anak pokok buah-

buah (RM10 untuk tiga anak pokok), pokok bunga (RM5) seponon, ikan kembung RM10 sekilogram, ikan selayang RM9 sekilogram dan cencaru RM8 sekilogram.

Menyokong usaha yang dilaksanakan kerajaan itu, seorang pengunjung, Kamariah Ismail, 62, yang juga seorang ibu tunggal berkata, beliau tidak melepaskan peluang membeli buah-buahan segar dengan harga jauh lebih murah daripada biasa.

"Usaha yang kerajaan buat ini sangat baik untuk membantu rakyat di kampung-kampung. Kadang-kadang kami perlu tunggu barang turun harga, baru boleh beli dengan banyak sebab menjimatkan," katanya.

Pada majlis sama, Salahudin turut menyampaikan Surat Kelulusan Sumbangan Peserta Program Rezeki Tani kepada 10 penerima terpilih dengan nilai keseluruhan berjumlah RM100,000.

Karnival berkenaan turut dihadiri Pengerusi FAMA, Ishak Ismail; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau

Orang ramai turut berpeluang mendapatkan pelbagai jualan produk pertanian dan industri asas tani pada harga yang berpatutan.

- Salahudin



Salahudin merasmikan ILFKB sempena Karnival Jalinan Tani Institut Latihan FAMA 2019.

dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail; Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Senator Datuk Husam Musa dan Pengarah FAMA Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Sementara itu, seorang penjual satay ikan, Zaleha Abdul Rahman berkata, beliau berterima kasih atas sumbangan yang disampaikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Dana yang diberikan amat diperlukan untuk mengembangkannya lagi perniagaan saya di Bunut Payong, Kota Bharu.

"Ini kali pertama saya dapat sumbangan. Saya sangat berterima kasih kepada menteri kerana membantu saya dan suami untuk tambah modal berniaga. Bolehlah untuk kami tampung belanja lima anak yang berusia dua hingga 17 tahun," katanya.



Pelbagai buah-buahan yang dijual pada harga murah di Karnival Jalinan Tani Institut Latihan FAMA 2019.



Pengunjung memilih jagung segar yang dijual pada Karnival Jalinan Tani Institut Latihan FAMA 2019.



Zaleha menerima Surat Kelulusan Sumbangan Peserta Program Rezeki Tani daripada Salahudin.



Salahudin (lima dari kiri) beramah mesra dengan peserta Ladang Kontrak MOA.

29/9/2019

BERITA
HARIAN

NASIONAL

74

Benih endemik diseludup keluar

3 kementerian bertindak

KATS, MOA, MOTAC tidak akan kompromi isu babitkan kepentingan negara

Oleh Fahmy A Rostli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiga kementerian akan bertindak terhadap siapa sahaja termasuk pelancong buah-buahan, terutama membabitkan benih daripada spesies endemik untuk dijual di pasaran gelap.

Ia membabitkan Kementerian Agr, Tanah dan Sumber Asli (KATS) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Timbalan Menteri Agr, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zaifulri Syah Raja Puji, berkata pihaknya melalui Ketua Pengarah Perhutanan Semananjung mengarahkan aktiviti pemerhatian membabitkan pengutipan hasil hutan secara haram.

Beliau berkata, pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap penceroob dan penyeludup haram jika mereka didapati melanggar undang-undang negara ini.

"Pensara ini mendapat maklum balas segera daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semananjung, Malaysia yang mengarahkan penantauan terhadap pengcerobohan membabitkan peng-

tipan hasil hutan secara haram. "Mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara 1984. Jika didapati bersalah, individu terbabit boleh dikenakan denda RM10,000 atau penjara maksimum tiga tahun.

"Jabatan Perhutanan sentiasa membat pementauan terhadap aktiviti pencerooban yang membabitkan pengutipan hasil hutan secara haram. Orang awam juga diarahkan melaporkan aktiviti kesalahan hutan ke Jabatan Perhutanan Semananjung Malaysia di talian 1-800-88-5776 atau 08-26164488," katanya kepada BH ketika dihubungi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata beliau memandangkan serius isu penyeludup hasil hutan seperti benih buah-buahan daripada spesies endemik oleh pelancong asing.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQJIS) supaya memperketatkan pemeriksaan di pintu masuk negara bagi mengesan aktiviti penyeludupan yang jelas melanggar undang-undang negara ini.

Walaupun MAQJIS tidak ada kuasa di Sabah dan Sarawak beliau mengarahkan Jabatan Pertanian Negeri di dua negeri kepulauan Borneo itu supaya mempertingkatkan operasi pengutipan dan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang cuba menyeludup benih endemik ke luar negara.

"Kalau (benih) ke luar (seludup keluar) pun ikut jalan yang kita tidak sedar atau guna cara lain. Walaupun setakat ini tiada tangkapan di pintu masuk negara, kementerian ambil serius dan pastikan pintu masuk dan keluar

negara terkawal.

"MAQJIS bertanggungjawab kawal semua pintu masuk. Setakat ini, kita beri arahan supaya menguatkuasaan diperketatkan. MAQJIS akan ambil tindakan ketat terhadap mana-mana spesies yang dibawa keluar dan tidak teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu terbabit.

"Walaupun MAQJIS tak ada kuasa di Sabah dan Sarawak, kita sudah arahkan Jabatan Pertanian Negeri untuk buat pengutipan kuasaan dan ambil tindakan," katanya.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamad Adin Ke-tapi berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya tindakan segera dapat diambil terhadap pelancong yang menyeludup dan menjual secara haram benih buah-buahan daripada spesies endemik.

Sehubungan itu, beliau meng-

laporan supaya melaporkan perkara itu segera kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya. Beliau juga mengaktif pihaknya sukar mengenal pasti atau mengawal pelancong yang menyeludup keluar hasil negara dan kemudian menjahanya di pasaran gelap kerana ia bukan tugas pihaknya untuk berbuat demikian.

"Kita (MOTAC) tak boleh buat ape-apa. Kita pun tak boleh buat laporan polis. Kita gesa pihak atau jabatan berkenaan buat laporan polis, bukan kita.

"Langkah drastik, mungkin kita akan bekerjasama dengan KDN dan MOA. Kesalahan menyeludup ini bukan bawah kuasa kita tetapi merangkumi bidang kuasa Kementerian lain," katanya.

Berikutan penyeludupan hasil hutan banyak membabitkan kawasan hutan Sabah, Puset Biodiversiti Sabah (SaBC), satu jawatankuasa khas dibentuk untuk merangka mekanisme bagi mem-

berhujung isu ini.



Keratan akhbar BH 31 Ogos.

Headline	MENTERI		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	29 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	35	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	126 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 286
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 859



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub (dua, kanan) melawat gerai jualan selepas merasmikan Karnival Jalinan Tani di Institut Latihan FAMA Kota Bharu (ILFKB) semalam.
 • Foto BERNAMA

Headline	Opening of the first flagship store		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	29 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C4	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	463 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,314
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,941



■谢伟光（左5起）、陈智勇、法蒂玛、沙拉胡丁阿育及陈喜财及嘉宾。

益眾集團國際有限公司 首間旗艦店開幕



■法蒂玛（左起）陪同沙拉胡丁阿育，为益众集团国际有限公司设在新山甘拔士的旗舰店，主持开幕仪式。

（新山28日讯）采用育成光能技术研发美容保健产品的益众集团国际有限公司，未来将逐步进军亚洲市场，并计划在4年内上市。

该公司位于大马的首间旗舰店设在新山甘拔士，今早举行开幕仪式，邀请了农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育及其夫人法蒂玛，主持开幕仪式。

沙拉胡丁阿育也是埔莱区国会议员。

益众集团国际有限公司总执行长陈智勇受访时说，育成光能技术是该公司的核心技术。

他说，现代人依赖科技，因而大幅度受到电磁波辐射威胁，导致身体新成代谢缓慢，甚至产生病变。

他指出，该产品自今年

面世以来广受好评，改善不少人的健康问题，目前除了推到大马市场，也推销到新加坡、印度及印尼。

他透露，该公司也正和与泰国方面接洽，未来亦希望进军中国。

出席者包括益众集团国际有限公司创办人谢伟光及陈喜财博士。

Headline	Agriculture Ministry to set up task force to consolidate paddy fields, says Salahuddin		
MediaTitle	Malaysian Nanban (Sunday)		
Date	29 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	115,000
Page No	3	Readership	523,000
Language	Tamil	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 1,222
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,665



நெல் வயல்கள் ஒருங்கிணைப்புக்கு பணிக்குழு அமைப்பு

கோத்தாபாரு, செப்.29-
நெல் வயல்களை ஒருங்கிணைக்கும் நோக்கத்தை அடையும் வகையில் பல்வேறு அரசாங்க நிறுவனங்கள் சம்பந்தப்பட்ட உயர் அதிகாரிகள் அடங்கிய பணிக்குழு ஒன்றை விவசாயம், விவசாயம் சார்ந்த தொழில் துறை அமைச்சு அமைத்துள்ளது என அதன் அமைச்சர் டத்தோ சலாஹுடின் அய்யுப் கூறியுள்ளார்.

விவசாயிகள் பண்ணைத் தோட்ட முறையில் பயிரிடும் வகையில் தங்களின் நெல் வயல்களை ஒருங்கிணைக்கும் முறையை ஏற்றுக் கொண்டால் மட்டுமே அவர்களை பாதிக்கின்ற வறுமைப் பிரச்சினையைத் தீர்க்க முடியும் என பிரதமர் துன் டாக்டர் மகாதீர் முகமட் கடந்த செப்டம்பர் 10 இல் கூறினார்.



சலாஹுடின் அய்யுப்

இந்நிலையில் பிரதமரின் திட்டத்திற்கு பொருந்தும் வகையிலான பொருத்தமான ஒரு விவசாய மாதிரியை அக்குழு ஆராய்ந்து அடையாளம் காணும் என்றார் சலாஹுடின்.

இவ்வாண்டு இறுதிவாக்கில் நடைமுறைப்படுத்தும்

வகையிலான விவசாய மாதிரியொன்றை அமைச்சு கொண்டுள்ளது. அதை இது போன்ற நில மேம்பாட்டிற்கு பயன்படுத்தலாம். அதை பயன்படுத்தும்போது அது விவசாயிகளுக்கான குறிப்பாக நில மேலாண்மைப் பகுதியிலுள்ள விவசாயிகளின் மதிப்பை கூட்டும் என்றார் அமைச்சர்.

அவர் கடந்த வெள்ளியன்று இங்கு கோத்தா பாரு கூட்டரசு விவசாய விளைபொருள் விற்பனை ஆணைய (பாமா) பயிற்சி நிறுவனத்தில் கண்காட்சி யொன்றை தொடக்கி வைத்தார். அதன் பிறகு செய்தியாளர்களிடம் பேசிய அவர் மேற்கண்ட விவரங்களை கூறியுள்ளார்.

Katjang hibrid lebih berkualiti

Kambing baka baharu itu diyakini mampu menjadi sumber daging mentah terbaik

SHAFIQ TINO

KLUANG

Kambing baka baharu, Katjang hibrid diyakini mampu menjadi sumber daging mentah terbaik dan lebih berkualiti untuk memenuhi permintaan pasaran.

Baka baharu yang dihasilkan menerusi kajian Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi (COE) Ternakan di Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) Kluang itu juga ada-



Salahuddin (tengah) memegang kambing Katjang hibrid pada majlis perasmian COE Ternakan di Mardil Kluang semalam.

lah inisiatif kerajaan bagi mempromosikan baka kambing tempatan sebagai biodiversiti berharga negara.

Istimewanya Katjang hibrid, daging yang akan dihasilkan kurang berbau hamis dan sesuai dibiakkan lebih awal, sekali gus meningkatkan jumlah ternakan sedia ada.

Katjang hibrid juga lebih ber-



Katjang hibrid merupakan baka yang dihasilkan MARDI menerusi proses pembiakan kacuk silang.

bangunkan sektor pertanian dan industri asas tani, khususnya bidang ternakan.

"Menyadari keperluan itu, satu baka baharu telah berjaya dihasilkan oleh penyelidik Mardil menerusi pembiakan kacuk silang antara baka Katjang tulen sebagai jantan dan baka betina Boer.

"Berdasarkan rekod kadar

kebutungan antara dua spesies itu juga boleh mencapai sehingga 93 peratus, selain mempunyai peratusan 42 peratus anak kembar yang boleh diperolehi untuk setiap kali musim mengawan," katanya pada majlis perasmian COE Ternakan di Mardil Kluang di sini semalam.

Salahuddin berkata, peningkatan jumlah perolehan bekalan daging mentah berkualiti amat dititikberatkan oleh kementeriannya.

"Industri ternakan adalah sumber yang amat penting untuk negara, bukan sahaja sebagai keperluan nutrien tetapi juga sumber pendapatan kepada penternak.

"Namun, industri ternakan di Malaysia masih menghadapi pelbagai cabaran terutamanya dalam sektor ternakan ruminan. Peningkatan populasi sektor ternakan ini sejak 30 tahun lalu tidak banyak berubah," katanya.

Headline	Mardi lancar baka kambing baharu dikenali 'BK'		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	29 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

Mardi lancar baka kambing baharu dikenali 'BK'

KLUANG : Baka kambing baharu, dikenali sebagai 'BK'dilancarkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), hari ini, sekali gus bakal memenuhi kehendak pasaran selain memastikan bekalan makanan negara ini terus terjamin. Menteri Pertan...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	MARDI "BK"		
MediaTitle	Johor China Press (johor.chinapress.com.my)		
Date	29 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	Chinese	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

MARDI "BK"

28MARDI"BK"
COE80Kambing KatjangKambing Boer)...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	:“BK”		
MediaTitle	Sin Chew Daily (www.sinchew.com.my)		
Date	29 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	5	Readership	3
Language	Chinese	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,600
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,800

:“BK”

28MARDI“BK”
“BK”Kambing katjangBoer52.4%“BK”93%COE80...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Agriculture Minister: BK goat breed has strong fertility		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	29 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	201 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,054
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,162



沙拉胡丁手抱2个月大的“BK”羊崽

“BK”羊特征为头部黑色，身体呈白色，繁殖力强且免疫力佳



農長:肉質少脂更具免疫力 新品種羊“BK”繁殖力強

(居鑾28日訊)大馬農業研究與發展局(MARDI)居鑾分局成功配種的新品種羊只，今日由農業及農基工業部長拿督沙拉胡丁命名為“BK”羊，此羊種繁殖力強，對疾病和寄生蟲更具抵抗力，符合市場需求。

沙拉胡丁指出，“BK”羊取自公卡江羊種(Kaunbing Katjang)及母波爾羊種(Boer)基因，具有52.4%的波爾羊基因，肉質少脂，

其特徵頭部為黑色，身體呈白色。除了較少羊膻味之外，“BK”羊的生育率高達93%，免疫力也較高。

新品種羊由該局技術培訓中心實驗室(COE)成功配種，目前僅養80頭羊，尚未進行市場販售。

沙拉胡丁也提到，我國的農基產品尚處於供不應求的現況，除了出口至中國的檳榔及M12黃梨不足之外，稻米、鮮奶、肉類等也面臨很大的市場需求。

沙拉胡丁:補選做好準備

針對丹絨比艾國席的補選，同時也是誠信黨署理主席的沙拉胡丁指出，希盟已做好準備工作投入這場補選，目前只是等待選委會公布補選日。

“誠信黨目前已在丹絨比艾進行籌備工作，黨內各小組幾乎每晚都進行會議，我也將與柔佛州務大臣拿督拿督薩魯丁會面，商討如何在這場補選中競選。”

Headline	BK goats have strong fertility, high in nutrition		
MediaTitle	China Press		
Date	29 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A7	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,614
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,842



■ 羊。
沙拉胡丁阿育（左4）为新品种羊取名为「BK」

農業研究院配出新品種 BK羊繁殖力強營養高

（居鑾28日讯）大马农业研究院（MARDI）居鑾分局成功配种出新品种、繁殖力强、营养价值高、符合市场需求量的羊只，取名为“BK”羊。

新品种羊由位于居鑾分局的畜牧革新与研究卓越中心（COE）研发成功，目前在该中心已豢养80头羊，尚未进行市场販售。

农业及农基工业部长拿督沙

拉胡丁阿育今年为新品种羊主厨命名推介礼，并在会上指该中心拥有可以与外国竞争的遗传工程技术非常先进，成功研发出新羊品种，满足我国对羊肉的需求。

他说，新品种羊由公卡江羊（Kambing Kalijang）和母波尔羊（Kambing Boer）进行配种，成功配种出的羊只的生育率高达93%、羊骚味较低、免疫力也

较高。

沙拉胡丁阿育说，农业领域具有非常大的潜能赚取高收入，呼吁更多年轻人，尤其是B40低收入群体加入此领域。

“我国出产的榴槤和MD2黄梨在中国有很高的市场需求，证明农业领域拥有巨大发展潜力。”

另外，大马农业研究院院长拿督莫哈末罗夫说，畜牧革新与研究卓越中心的成立非常成功，透露该中心是自吉打州新笃（水果）和檳城威省（稻谷）后，全国成立的第3个中心。

Headline	Malaysia needs to import cow and goat for local needs		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	29 Sep 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A11	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	161 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,882
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,646



畜牧业产量不足 进口牛羊供需

居銮28日讯 | 农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育坦言，国内畜牧业过去30年来增长缓慢，产量不足，每年自给率只维持10%至19%之间，因此我国每年必须耗费额外开销来进口大量的牛及羊只，以满足国内需求。

他举例，根据2017年的数据，国内牛只数量为70万4000头，羊只则是38万5000头，绵羊数量则是维持在13万1000头，但还是无法满足国内需求，因此不得不从国外另外进口5万头牛、4万9000头羊（包括绵羊）。

沙拉胡丁阿育今日受邀到马来西亚农业发展研究院居銮分院（MARDI Kluang），为该院研发和命名为BK羊的新品种

羊主持推介后，接受媒体询问时，如是指出。「BK羊」是南非波尔（Boer）山羊与本地盖强（Katjang）山羊混合品种。

他说，国内畜牧业自2007年至今发展停滞不前，面对不少挑战，政府关注国内畜牧业产量不足及畜牧业者收入问题。

他认为，国内其实不缺乏掌握先进畜牧技术的人才，但是政府过去并没有有效的整合及培训，造成畜牧业者使用传统技术养殖，发展及产量无法持续增长。

他表示，政府应善于科技及企业化，提高畜牧生产量，他以柔州为例，为了让柔州朝成为国内最大的牛肉生产枢纽目标迈进，必须提高巴莪、麻坡及昔加末的牛肉生产量。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2019	METRO AHAD	XPRESI	52



INOVASI SATE TUNA

Produk berasas ikan rancakkan lagi industri makanan

AGRO

Oleh Anisa Zainudin
anizazainudin@hmetro.com.my

Sarat dengan kandungan nutrisi yang baik untuk tubuh seperti vitamin B kompleks, omega 3, magnesium, potassium, selenium dan

mineral, ikan tuna tergolong sebagai sumber makanan yang eksklusif.

Ikan air masin yang tergolong dalam kumpulan Thunnini dan subkumpulan keluarga Scombridae ini terdiri daripada 15 spesies merangkumi lima genus. Menyedari keistimewaan itu, Malaysia antara satu

negara yang kini fokus terhadap peningkatan hasil pendaratan tuna.

Ini bukan saja sebagai satu cabang utama menjana pendapatan negara malah dikategorikan satu daripada jaminan risiko keselamatan makanan pada masa akan datang.

Merujuk kepada Jabatan

Perikanan Malaysia, pembangunan industri tuna tersenarai sebagai fokus utama Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) di bawah Program Transformasi Agromakanan yang dijangka mampu memberi sumbangan besar kepada industri perikanan negara. Menariknya, industri

2



3





FOTO: NURUL SHAFIRA IEMERON

tuna dihangka merah pendapatan bernilai RMI bilion bersamaan dengan hampir 130,000 tan metrik bagi mencapai sasaran pengeluaran tuna pada 2020, di bawah Dasar Agromakanan Negara.

Selain bergantung kepada sumber bahan mentah, inovasi produk berasaskan tuna turut diperkenalkan bagi merancakkan lagi industri makanan.

Penghasilan sate diperbuat daripada tuna, antara idea terbaik, bukan saja menawarkan kepelbagaian makanan menarik di Malaysia, bahkan memberi manfaat kepada seluruh rantai industri berkenaan terutama golongan nelayan.

Pengurus Island Tuna, Khalrul Ghani berkata, inovasi sate tuna di Wilayah Persekutuan Labuan dimulakan sejak 2006.

"Diperkenalkan kira-kira 13 tahun lalu, kita boleh berbangga apabila inovasi produk sate tuna berjaya merahlah perhatian rakyat Malaysia.

"Keunikan tuna di perairan Labuan adalah ciri fizikalnya yang besar dan ukur lilik badannya lebih bulat berbanding tuna di tempat lain.

"Ini bererti isi merahanya lebih banyak berbanding isi hitam.

"Sate yang dihasilkan menggunakan isi merah tuna sepenuhnya. Ini kerana ia lebih enak dan tidak terlalu berbau hanyir seperti digemari pelanggan.

"Kita menjalin kerjasama erat dengan kira-kira 20 nelayan untuk mendapatkan hasil tuna segar setiap hari.

"Bekalan tuna segar yang kami peroleh bergantung kepada hasil pendaratan nelayan.

"Kami turut menetapkan kriteria tertentu mengenai bekalan tuna ini.

"Kami hanya memilih

tuna yang mempunyai berat 10 kilogram (kg) ke atas kerana 60 peratus daripada berat ikan dapat digunakan untuk menghasilkan sate.

"Berbanding hanya 40 peratus isi tuna boleh digunakan bagi ikan yang beratnya kurang daripada 10kg," katanya ketika ditemui dalam rombongan Kementerian Wilayah Persekutuan ke Labuan, baru-baru ini.

Usaha merancakkan industri tuna terserlah apabila tersenarai sebagai negara anggota Suruhanjaya Tuna Lautan Hindi (IOTC) sejak 22 Mei 1998, kedudukan geografi Malaysia terletak di perairan Lautan Hindi turut menjadi faktor sokongan kepada negara bagi memperkasakan lagi industri ini.

Berdasarkan statistik pendaratan tuna di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia terutama Sabah dan Labuan, dicatatkan sebanyak 68,490 tan metrik pendaratan pada 2015 dan boleh dipertingkatkan kepada 100,000 tan metrik pada 2020.

Bagi mencapai sasaran industri ini, Jabatan Perikanan turut menyediakan Pelan Strategik Pembangunan Tuna 2012-2020 sebagai panduan hala tuju pemain industri membangunkan sektor ini.

Antara pelan dirangka merangkumi, mempertingkatkan pendaratan tuna dalam negara, memangkin pembangunan industri tuna melalui pelaburan swasta di peringkat nasional mahupun antarabangsa, membangunkan industri yang mampan serta memenuhi piawajan antarabangsa.

Malaysia mendaftarkan dua pelabuhan sebagai pelabuhan tuna. Dermaga Air Dalam, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Tanjung Lembung, Langkawi, Kedah.

INFO

- Perikanan tangkapan tuna dikategorikan ikan bernilai tinggi
- Menjadi fokus utama untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara
- Vessel penangkapan tuna Zon C3 yang dibenarkan untuk menangkap tuna di Lautan Hindi menggunakan peralatan rawal tuna atau pukot Jerut
- Operasi penangkapan tuna perlu berdaftar dengan IOTC di Lautan Hindi di bawah bendera Malaysia
- Jongkong tuna adalah vessel digunakan untuk menangkap tuna di perairan ZEE Malaysia Timur (terutama Sabah dan Labuan)
- Biasanya vessel ini beroperasi bersama Vessel Kecil Tuna (SKT) dengan peralatan menangkap ikan tradisional, pancing atau rawal
- Antara spesies tuna yang ditangkap termasuk 'yellowfin', 'bigeye', 'albacore' dan 'skipjack'
- Aktiviti penangkapan tuna ocnik dilakukan sepanjang tahun mengikut musim kerana ikan itu sentiasa bergerak mengikut arus dan suhu di lautan

KHAZINTA TUNA

- Menghalang masalah hilang ingatan kerana ia membantu pengaliran darah lancar ke otak dan mengurangkan radang
- Vitamin B6 melindungi dinding arteri daripada risiko aterosklerosis
- Baik untuk jantung
- Membekalkan kolesterol baik pada tubuh
- Mengurangkan masalah radang
- Boleh meningkatkan mood seseorang, mengurangkan perasaan tertekan
- Selenium mengurangkan risiko kanser payudara dan leukemia
- Vitamin E mengandungi DHA mencegah ibu, mengalami depresi selepas melahirkan anak
- Mengeksplores risiko katarak
- Mengurangkan sindrom mata kering
- Mengurangkan risiko kanser payudara

SUMBER: JABATAN PERIKANAN MALAYSIA



1. SATE tuna.

2. JAMINAN keselamatan makanan.

3. HANYA tuna yang mempunyai berat 10 kilogram (kg) ke atas dipilih untuk penghasilan sate.

4. ANTARA spesies tuna yang ditangkap termasuk 'yellowfin'.

5. IKAN tuna dikatakan sangat dengan kandungan nutrisi yang baik untuk tubuh.

6. BEKALAN tuna segar.

7. PENGHASILAN sate diperbuat daripada tuna.

Headline	600kg of suspected bombed fish seized at Safma market		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 443
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,330



600kg of suspected bombed fish seized at Safma market

KOTA KINABALU: The Marine Operations Force have confiscated close to 600 kilograms of assorted fish that were believed caught through fish bombing method here yesterday.

Marine Operations Force commander ACP Hj Mohamad Pajeri Bin Ali said a joint operation by MOF and the Fisheries Department made the seizure at the Safma market in Kota Kinabalu following public complaint.

"We inspected 35 fish stalls and seized about 600 kg of assorted fish that were believed caught through fish bombing method," he said.

Pajeri said the confiscated fish, valued at RM13,800, were brought back to the MOF headquarters for further investigation.

The case will be investigated under Section 26(1)(c) of the Fisheries Act 1985, which carries a maximum fine of RM20,000 or a two-year jail term or both if found guilty, he said.



MOF and officers from the Fisheries Department inspecting fish that were sold in Safma market.

Program Botani Desa kurangkan belanja dapur

Milai: Usaha menggalakkan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan oleh wanita di kawasan sekitar kediaman mereka bagi mengurangkan perbelanjaan dapur, mampu dijayakan menerusi program Botani Desa.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata program itu memberi peluang kepada wanita golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) mendapat pelbagai manfaat seperti kursus serta input pertanian termasuk benih.

Katanya, program Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) itu mendapat kerjasama Jabatan Pertanian negeri, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Botani Desa sebahagian program Kesejahteraan Keluarga anjuran KEMAS yang menekankan teknik penanaman, penjagaan sehingga iaitu Pelancaran Botani Desa dan Wanita Inspirasiku (WINS) peringkat negeri ini, di sini semalam.

Rina berkata, wanita terutama suri rumah dan ibu tunggal daripada golongan B40 yang ada kawasan bersesuaian untuk menanam sayur-sayuran di sekitar kediaman mereka, amat digalakkan menyertai program terbahut.

Sebagai permulaan, katanya, KEMAS menawarkan kira-kira 3,000 peserta dari setiap negeri



Rina melawat pameran produk masakan KEMAS selepas majlis Pelancaran Botani Desa dan Wanita Inspirasiku (WINS) di Nilai, semalam. (Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

Saya berharap usaha ini bukan sahaja dapat mengurangkan kos sara hidup terutama

perbelanjaan dapur, tetapi turut memberi ilmu baharu kepada peserta dalam memastikan tanaman mereka berhasil dan dapat dinikmati seluruh keluarga.

Rina Mohd Harun,
Menteri Pembangunan
Luar Bandar

selingga tahun hadapan. Bajet tambahan yang kita minta adalah bagi membaik pulih dan membina lebih banyak Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

"Bajet tambahan juga untuk membina jalan perhubungan desa serta membina surau dan balai raya kerana ini kemudahan asas yang diperluaskan masyarakat, selain bekalan air dan elektrik," katanya.

meningkatkan sosioekonomi dan modal insan masyarakat luar bandar.

Katanya, permohonan peruntukan tambahan itu bukan sahaja bagi membiayai projek pembangunan infrastruktur dan fizikal, tetapi juga projek bagi kesejahteraan rakyat.

"Bagi belanjawan infrastruktur seperti lampu jalan di kawasan kampung, kita sudah dapat bajet

sahaja dapat mengurangkan kos sara hidup terutama perbelanjaan dapur, tetapi turut memberi ilmu baharu kepada peserta dalam memastikan tanaman mereka berhasil dan dapat dinikmati seluruh keluarga," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian memohon peruntukan tiga kali ganda dalam Belanjawan 2020 berbanding belanjawan tahun lalu, bertujuan

menyertai 187 kursus yang akan dianjurkan di 287 kelas kemahiran KEMAS seluruh negara.

"Ketika ini, 80 peserta di Negeri Sembilan sudah mendaftarkan untuk menyertai program ini. Ada tiga kaedah penanaman akan diajar kepada peserta, iaitu konvensional atau organik, hidropnik atau 'nutrient film technique' (NFT) dan fertigas mini.

"Saya berharap usaha ini bukan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	74

Pelbagai reaksi petani isu gabung tanah sawah

Alor Setar: Penggabungan sawah seperti dihasratkan kerajaan menerima reaksi yang pelbagai daripada pesawah dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Sebahagian petani bersetuju dengan cadangan itu tetapi ada juga yang membantah kerana kluatir kesan yang bakal timbul daripada program itu.

Petani, Zulkifli Ishak, 52, menyambut baik hasrat kerajaan kerana ia akan memudahkan mereka menguruskan sawah yang sedikit.

"Sawah saya tak sampai sehektar, dulu pernah usahakan sendiri ternyata tidak untung, akhirnya saya sewakan kepada orang dengan kadar RM500 serelung atau 0.35 hektar.

"Jika diusahakan secara gabung, saya yakin hasil kami akan bertambah, dalam masa yang sama kerajaan juga boleh membantu pesawah yang setuju untuk bergabung supaya dapat mengusahakan pertanian lain tanpa perlu menunggu hasil padi sahaja," katanya di Kampung Kepala Bendang, Pokok Sena, di sini.

Seorang lagi petani, Zakaria Mat, 67, mendakwa penggabungan sawah pernah dilaksanakan ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri keempat pada awal 80-an, namun usaha itu gagal.

Katanya, penggabungan yang akan diusahakan pengurusan ladang itu dibimbangi hanya separuh jalan.

"Jika bertukar kepimpinan selepas ini, mungkin dasar penggabungan ini akan diubah, sekali gus menyusahkan petani, masa itulah akan berlaku perasaan tidak puas hati kerana ada sawah yang perlu membuka dan menutup laluan air ke sawah masing-masing.

"Begitu juga dengan masalah pengusaha akan hilang begitu saja jika dasar berubah selepas ini, jadi lebih baik petani usahakan sendiri dan tentukan untung dan rugi sendiri," katanya yang mengusahakan kira-kira lima hektar sawah di Kampung Tualang, Pokok Sena di sini.

Bagaimanapun, Zakaria yang berpengalaman 50 tahun menjadi pesawah, tidak menolak jika penggabungan itu dilakukan pemilik sawah yang kecil sahaja dan tidak membabitkan mereka yang mempunyai kawasan yang luas.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, dilaporkan berkata, pasukan khas ditubuhkan untuk merealisasikan hasrat penggabungan sawah yang dijangka dilakukan menjelang akhir tahun ini.

Peguam di Brunei buat laporan benih endemik diseludup keluar

Kuala Lumpur: Seorang peguam membuat laporan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Brunei susulan penyeludupan biji benih spesies endemik yang didalangi pelancong warga asing dari Amerika Syarikat (AS).

Satu dokumen dikirimkan melalui e-mel kepada wartawan BH, baru-baru ini, oleh Mewsum Wong menunjukkan, surat berkenaan tertera cop terima Pertengahan Pertanian dan Agrimakanan Negara Brunei Darussalam bertarikh 10 September 2019.

Katanya, surat itu dicop dan diterima oleh setiausaha kepada pengarah berkenaan.

Wong, 48, yang juga pengasas kumpulan Raw Food Asia bertujuan menggalakkan pemakanan buah dan sayur untuk kesihatan berkata, laporan itu dibuat supaya tindakan sewajarnya seperti menghalang seorang pelancong warga AS bersama seorang lagi rakannya dari Filipina, masuk ke Brunei.

Beliau yang menetap di Brunei bimbang dengan tingkah laku mereka yang dikatakan menyeludup biji benih spesies endemik untuk dijual dan diseludup secara besar-besaran sambil menegaskan pihak berkuasa patut menghalang tindakan itu.

“Apa yang dilakukan mereka amat menyedihkan, terutama apabila buah-buahan semula jadi dan spesies endemik negara di Kepulauan Borneo tidak lagi dipertahankan di sini. Pelancong AS ini sudah menjual benih dan durian termasuk buah-buahan lain sejak lebih sembilan tahun lalu.

“Alam semula jadi dan keistimewaan biodiversiti negara Brunei patut dilindungi. Buah-buahan endemik yang hanya boleh didapati di Kepulauan Borneo seharusnya dikekalkan di sini. Penjualan besar-besaran biji benih spesies endemik oleh orang asing

akan memudaratkan keistimewaan negara Brunei.

“Tujuan saya membuat laporan supaya kerajaan Brunei dapat mengetahui aktiviti haram pelancong asing dan rakannya yang memudaratkan tanaman buah-buahan khususnya durian kami,” katanya kepada *BH*.

Wong berkata, keistimewaan di tanah Borneo menarik perhatian dan menjadi tumpuan pelancong luar dan dalam negara kerana keunikan biodiversiti.

Jika pelancong terbabit tidak ‘diharamkan’ masuk ke Brunei, tidak lama lagi spesies endemik di negara itu bakal terjejas teruk.

Galak pertanian berskala kecil

KPLB lancar Program Botani Desa, inisiatif bantu golongan B40

SYAMLAH ZULKIFLI

NILAI

Kementerian Pembangunan Luar Bandar melancarkan Program Botani Desa sebagai inisiatif membantu mengurangkan belanja dapur, sekali gus meringankan kos sara hidup rakyat.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, program yang mensasarkan penyertaan wanita daripada kategori kumpulan berpendapatan rendah (B40) itu menggalakkan aktiviti pertanian berskala kecil di kawasan rumah.

"Peserta akan diberi



Rina (empat dari kiri) beramah mesra dengan peserta Siji Kemahiran Malaysia Perifalan Pencapaian Terdahulu (PPT) pada program Wanita Inspirasiaku Peringkat Negeri Sembilan di Politeknik Nilai semalam.

kursus dan latihan yang dikendalikan Jabatan Pertanian kaedah untuk memulakan aktiviti pertanian dari rumah. Mereka juga akan diberi peralatan asas pertanian seperti baja dan benih.

"Sedikit sebanyak penggunaan kawasan tanah secara optimum di kawasan rumah dapat menjimatkan perbelanjaan dapur, selain mampu menjaga sumber pendapatan sampingan jika

dilaksanakan secara serius," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Pelancaran Botani Desa dan Wanita Inspirasiaku Peringkat Negeri Sembilan di sini semalam.

Hadir sama, Exco Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan, Ismail Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi Kemas, Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi.

Rina berkata, pihaknya

mensasarkan seramai 3,000 peserta program tersebut tahun ini di 287 kelas kemahiran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di setiap negeri.

"Mereka yang layak dan berminat boleh membuat permohonan menerusi Kemas. Ia juga boleh dijadikan sebagai permulaan untuk mereka menceburi bidang pertanian secara serius pada masa hadapan," katanya.

Caretaker finds sweet way to fund shelter

By R.S.N. MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: The caretaker of an old folks shelter has come out with his own health supplement formula which he plans to sell to fund the home.

David Chong On Wee said he opened the shelter - Tong Sim Senior Home - at Taman Rasah in Seremban more than a decade ago.

He said there were 12 residents living at the shelter which recently had its leaking roof and pipe repaired.

"We received funds from National Unity and Social Wellbeing Minister P. Waytha Moorthy which was used for urgent repairs.

"However, I need a steady source of funds to upkeep the shelter, and this is where I hope my very own *ketulut* honey and Tongkat Ali health supplement can help," he said.

Chong, 60, who owns a stingless bee farm in Mantin, Negri Sembilan, that produces high-quality *ketulut* honey, conducted a research by blending the honey with Tongkat Ali.

"I preserved it in jars for eight months.

"Then together with my four Orang Ali farmworkers, we consumed the formula and after a few days, we felt the benefits," he said after a meeting with Melaka Agriculture, Agro-Based, Entrepreneur Development and



Homemade goodness: Chong showing his concoction of *ketulut* honey and Tongkat Ali in Melaka.

Cooperative Committee chairman the relevant authorities.

Norhizam Hassan Baktee here yesterday.

The state government promised to get Chong's concoction tested by

cess," said Chong.

He said once the certifications were obtained, he would supply the product to NGOs for them to sell to generate income.

ratory test and certification pro-